

Penggunaan istilah agak asing tarik perhatian

Pembentangan Belanjawan 2023 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengundang perhatian, bukan sahaja kerana pengumuman insentif, dana atau projek baharu, tetapi juga penggunaan istilah yang agak asing di negara ini.

Bagi mereka yang sudah biasa dengan corak kepemimpinan beliau, istilah bahasa Melayu yang jarang didengar dan digunakan orang ramai sering disebut Perdana Menteri, terutama pada program atau majlis utama.

Malah, penggunaan perkataan luar kebiasaan memang sudah menjadi identiti Anwar yang juga lulusan Sarjana Muda Pengajian Melayu pengkhususan Sastera di Universiti Malaya (UM).

Antara istilah atau perkataan jarang didengar yang digunakan Perdana Menteri dalam pembentangan belanjawan semalam, termasuklah 'hubaya', 'kebhinekaan', 'purbasangka', 'ketimbang', 'menopang', 'kegalauan', 'bobrok' dan 'tantangan'.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 'hubaya' bermaksud awas atau berjaga-jaga yang digunakan Anwar untuk mengingatkan semua pihak supaya tidak lagi mengapi-apikan perbezaan kaum dan warna kulit di negara ini.

'Kebhinekaan' bermakna beraneka atau kepelbagaian, berasal daripada perkataan 'bhineka' yang tertera pada lambang negara Indonesia, Garuda Pancasila.

Perkataan 'purbasangka' pula bermaksud prasangka, manakala 'ketimbang' bererti berbanding dan kerap digunakan Anwar ketika membuat perbandingan dalam pembentangan Belanjawan 2023.

Istilah 'menopang' pula merujuk kepada perkataan menunangi, manakala 'tantangan' bermaksud cabaran dan 'bobrok' yang kerap disebut Anwar dalam kebanyakan ceramah politiknya pula bermaksud rosak atau binasa.